

# KENYATAAN MEDIA

**Untuk Siaran Segera**

## **PROGRAM VAKSINASI BARISAN HADAPAN EKONOMI SEKTOR PEMBINAAN: PEMBERIAN VAKSIN DIBUKA KEPADA 40,000 PEKERJA SEKTOR PEMBINAAN**

**KUALA LUMPUR** – Bagi mempercepatkan kadar vaksinasi barisan hadapan ekonomi, Kementerian Kerja Raya, melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini, menawarkan vaksinasi COVID-19 untuk 40,000 pekerja di dalam sektor pembinaan.

Kementerian Kerja Raya (KKR) telah membentangkan cadangan pelaksanaan program vaksinasi kepada sektor pembinaan ini kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (The COVID-19 Immunisation Special Task Force - CITF) pada 14 Jun 2021 dan ianya telah dipersetujui. Melalui program ini, pihak swasta perlu menyediakan dan membayai sendiri pasukan petugas dan pegawai perubatan bertauliah serta Pusat Pemberian Vaksin (PPV), manakala bekalan serta penghantaran vaksin akan diberikan secara percuma oleh Kerajaan. Dalam hal ini, CIDB akan menyelaras dan memudahkan cara pelaksanaan program pemberian vaksin ini bagi pihak industri pembinaan. Ini adalah sebahagian dari sumbangan CIDB dalam membantu penggiat industri pembinaan terutamanya di waktu yang mecabar ini.

Caj pemberian vaksin yang akan dikenakan melalui program ini adalah sebanyak RM140 seorang untuk 2 dos suntikan vaksin yang lengkap. Bagi meringankan beban kewangan di pihak industri, CIDB akan memberikan subsidi RM50 untuk seorang pekerja dan juga menawarkan premis CIDB sebagai PPV secara percuma. Ini bermakna majikan di dalam sektor pembinaan hanya perlu membayar RM90 untuk setiap seorang pekerja yang divaksin.

Penyertaan untuk program ini adalah secara sukarela dan dalam hal ini penggiat industri pembinaan boleh memilih untuk mengadakan program pemberian vaksin sendiri kepada pekerja mereka dengan berurusan secara terus dengan CITF. Program pemberian vaksin yang akan diselaraskan oleh CIDB ini menyasarkan pekerja sektor pembinaan dan akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 30 Jun 2021 serta seluruh negeri Selangor pada 14 Julai 2021.

Penggiat Industri Pembinaan yang ingin mendaftarkan pekerja mereka dalam program pemberian vaksin ini boleh berbuat demikian **bermula daripada 21 Jun 2021** di <http://vaccine.cidblink.com> atau hubungi talian **03-40428880** untuk pertanyaan.

**DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF  
MENTERI KANAN KERJA RAYA  
17 JUN 2021**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

¶ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | ¶ : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my